



اَبُو تَائِيْبِي تَيْكُو لُو كِيْن مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Pembangunan
Infrastruktur
dan Infostruktur

DASAR PENGURUSAN PROJEK

Jabatan Infrastruktur
Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur
Universiti Teknologi MARA

<https://ppii.uitm.edu.my>

JAWATANKUASA PENYEDIAAN DASAR

DASAR PENGURUSAN PROJEK

PENASIHAT	Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim <i>Naib Canselor</i>
PENGERUSI	Prof. Ts. Dr. Mohd Fozi Ali <i>Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)</i>
TIMBALAN PENGERUSI	Ir. Hj. Junaidi Muslim <i>Pengarah Jabatan Infrastruktur</i>
KETUA EDITOR	Alfina Bakar K.M.N <i>Ketua Timbalan Pendaftar Kanan</i>
KETUA PROJEK	Sr Mohd Hanafi Moghni
EDITOR	Ezianti Kamal
PENYEDIA DOKUMEN	Zul Khafiz Mohd Khalid Mohd Ku Shahrom Kamis Zaidatul Azmi Salleh Ir. Rohana Mamat Surayya Hany Samat
PENYELARAS BAHAN	Musrifah Miskon
PEMBACA PRUF	Norazlina Nordin
PEREKA GRAFIK	Siti Nafisah Mohd Nasir
URUSETIA	Mohd Isa Tukimin Aizam Abdul Aziz Nurmuzaiyah Mohamed Sallehulldin

KANDUNGAN

JAWATANKUASA PENYEDIAAN DASAR

i

1.0	PENYATAAN DASAR	1
2.0	TUJUAN.....	1
3.0	PUNCA KUASA.....	1
4.0	SKOP	1
5.0	DEFINISI PENGURUSAN PROJEK.....	1
6.0	PRINSIP PENGURUSAN PROJEK.....	2
7.0	STRATEGI PELAKSANAAN	2
7.1	Tadbir Urus.....	2
8.0	SISTEM DAN PROSES.....	3
8.1	Mengenalpasti Skop dan Kos	3
8.2	Menggunakan Sistem Pengurusan Projek	3
8.3	Polisi dan Prosedur.....	3
8.4	Melaporkan Status Projek	4
8.5	Sistem Pengurusan Projek.....	4
8.6	Pengurusan Perolehan dan Kontrak	4
8.7	Projek pembangunan fizikal menggunakan kaedah <i>Public Private Partnership</i> (PPP)	4
9.0	PENGURUSAN JAMINAN KUALITI	4
9.1	Pengurusan Masa.....	4
9.2	Kawalan Kos.....	4
9.3	Kawalan Kualiti	5
10.0	RUJUKAN	5
11.0	GLOSARI	6

DASAR PENGURUSAN PROJEK

1.0 PENYATAAN DASAR

- 1.1 Setiap projek diuruskan secara sistematik, mengikut piawaian dan garis panduan yang telah ditetapkan.
- 1.2 Setiap projek yang dilaksanakan mematuhi **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA 1994)**.
- 1.3 Pelaksanaan dasar ini dikuatkuasakan di semua kampus UiTM sebagai garis panduan dalam menguruskan projek di UiTM.

2.0 TUJUAN

Manual Dasar Pengurusan Projek UiTM ini disediakan untuk memberi panduan kepada staf Jabatan Infrastruktur dan Bahagian Pengurusan Fasiliti Cawangan dalam mengurus projek fizikal.

3.0 PUNCA KUASA

Dasar Pengurusan Projek telah dikuatkuasakan serta merta mengikut tarikh kelulusan Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) Bil.11/2020 pada 21 April 2020.

4.0 SKOP

Manual Pengurusan Projek ini adalah meliputi:

- i. Definisi Pengurusan Projek.
- ii. Prinsip Pengurusan Projek.
- iii. Strategi Pelaksanaan.
- iv. Sistem dan Proses.
- v. Pengurusan Jaminan Kualiti.

5.0 DEFINISI PENGURUSAN PROJEK

- 5.1 Projek merupakan aktiviti kerja pembinaan dalam tempoh masa tertentu yang mempunyai tujuan tertentu bagi mencapai objektif secara berkesan dengan menggunakan sumber-sumber yang diperuntukkan secara cekap.
- 5.2 Pengurusan projek melibatkan proses merancang, mereka bentuk, melaksana dan memantau projek. Semasa melaksanakan sesuatu projek, keseimbangan antara masa, sumber dan kualiti adalah perlu agar projek tersebut memenuhi objektif dan keperluan pelanggan.
- 5.3 Proses pengurusan projek merangkumi pra-pembinaan, pembinaan dan pasca pembinaan.

6.0 PRINSIP PENGURUSAN PROJEK

Prinsip Pengurusan Projek adalah seperti berikut:

- i. Projek berkualiti yang menepati objektif.
- ii. Pengurusan projek yang memenuhi keperluan pelanggan.
- iii. Pengurusan bajet yang memberi pulangan pada nilai terbaik.
- iv. Pelaksanaan projek berkesan dengan menepati masa dan kos yang telah ditetapkan.
- v. Mematuhi keperluan perundangan agensi kerajaan yang berkaitan.
- vi. Mengurus projek secara profesional.
- vii. Menyediakan data teknikal untuk kajian keberhasilan pengurusan projek dan *lesson learned*.

7.0 STRATEGI PELAKSANAAN

Pelaksanaan dasar adalah berasaskan pendekatan strategi berikut:

7.1 Tadbir urus

- 7.1.1 Memperjelas tanggungjawab pegawai pengawal/ pegawai penguasa /pengarah projek.

Pegawai pengawal /pegawai penguasa/pengarah projek hendaklah mematuhi pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa serta memastikan mekanisme yang telah digunakan dalam struktur pengurusan projek.

- 7.1.2 Memperjelas tanggungjawab pasukan projek

Skop dan tanggungjawab pasukan projek adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Pengurusan projek dan kontrak.
- ii. Pengurusan dan kawalan peruntukan.
- iii. Perkhidmatan kepakaran bidang teknikal.
- iv. Pemantauan terhadap mematuhan kepada dasar, pekeliling dan garis panduan terkini.

- 7.1.3 Fungsi jawatankuasa melulus

Jawatankuasa melulus bertanggungjawab untuk:

- i. Menyemak dan menyokong skop projek, jumlah keluasan ruang dan anggaran kos projek serta memastikan projek mengikut perancangan yang ditetapkan.
- ii. Menentukan sumber kewangan dan meluluskan peruntukan bagi pembiayaan projek sama ada permohonan menggunakan peruntukan dalaman UiTM, tajaan atau peruntukan daripada agensi pusat kerajaan.

- iii. Bertanggungjawab menentukan kaedah perolehan projek dari segi teknikal dan kejuruteraan mengikut garis panduan untuk mencapai nilai terbaik kepada wang yang telah dilaburkan.
- iv. Keutamaan projek bergantung kepada hala tuju pengurusan UiTM.

7.1.4 Pelaksanaan dan had nilai

Pelaksanaan projek dipecahkan mengikut had nilai seperti berikut:

- i. Pengurusan dan pelaksanaan kos projek pembangunan adalah merujuk kepada dokumen tadbir urus PPII.
- ii. Dengan arahan Naib Canselor/Timbangan Naib Canselor (Pembangunan)/ Pengarah Jabatan Infrastruktur, Perkara 7.1.4(i) boleh dilaksanakan oleh Jabatan Infrastruktur/Bahagian Pengurusan Fasiliti Cawangan berdasarkan kriteria berikut:
 - a. *Complexity* projek
 - b. Projek khas UiTM
 - c. Projek berimpak tinggi
- iii. Bagi projek tajaan *Public Private Partnership* (PPP) yang dilaksanakan sepenuhnya oleh penaja, kawalan dan pemantauan perlu dilaksanakan oleh Jabatan Infrastruktur/Bahagian Pengurusan Fasiliti Cawangan yang terlibat dan tidak tertakluk kepada had nilai yang terkandung dalam Perkara 7.1.4(i).

8.0 SISTEM DAN PROSES

8.1 Mengetahui pasti skop dan kos

Pasukan projek mengetahui pasti kesesuaian skop dan anggaran kos dari aspek teknikal bagi setiap permohonan projek untuk dimajukan ke jawatankuasa melulus.

8.2 Menggunakan sistem pengurusan projek

Permohonan, pengumpulan data dan pemantauan projek hendaklah menggunakan sistem pengurusan projek.

8.3 Polisi dan prosedur

Pelaksanaan pengurusan projek adalah mengikut polisi dan prosedur seperti berikut:

- i. Manual Kualiti Jabatan Infrastruktur.
- ii. Garis Panduan Perancangan Pembangunan.
- iii. Garis Panduan Pelantikan Perunding.
- iv. Garis Panduan Reka Bentuk.
- v. Garis Panduan Pelantikan Kontraktor.
- vi. Garis Panduan Pembinaan dan Penyeliaan Tapak.

- vii. Garis Panduan Lanjutan Masa.
- viii. Garis Panduan Penamatan Kerja Kontraktor.
- ix. Garis Panduan Penyerahan Bangunan.
- x. Garis Panduan Pengurusan Projek Berisiko.
- xi. Garis Panduan Projek Tajaan.
- xii. Pelan Induk Rekabentuk Standard (PIReS).

8.4 Melaporkan status projek

Ketua pasukan projek hendaklah menyediakan laporan status projek untuk dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan untuk tujuan pemantauan dan penyelesaian masalah.

8.5 Sistem pengurusan projek

Sistem pengurusan projek ini berfungsi sebagai pangkalan data, permohonan projek atas talian, pelaporan, pengurusan dan pemantauan projek.

8.6 Pengurusan perolehan dan kontrak

Jabatan Infrastruktur/Bahagian Pengurusan Fasiliti Cawangan bertanggungjawab untuk menguruskan segala dokumen berkaitan perolehan projek mengikut Tatacara Pengurusan Perolehan berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Dalaman UiTM, Manual Kualiti, prosedur kerja dan garis panduan yang berkaitan.

8.7 Projek pembangunan fizikal menggunakan kaedah *Public Private Partnership (PPP)*

8.7.1 *Public Private Partnership (PPP)* merupakan projek pembangunan fizikal yang dibiayai oleh badan bukan kerajaan untuk dilaksanakan di dalam kawasan UiTM.

8.7.2 Projek pembangunan fizikal yang telah mendapat kelulusan MEU perlu dirujuk kepada Jabatan Infrastruktur/Bahagian Pengurusan Fasiliti Cawangan untuk semakan teknikal sebelum pelaksanaan.

9.0 PENGURUSAN JAMINAN KUALITI

Jaminan kualiti pengurusan projek yang digariskan adalah untuk mencapai matlamat dasar pengurusan projek. Jaminan kualiti pengurusan projek adalah seperti berikut:

9.1 Pengurusan masa

Memastikan projek mengikut jadual yang ditetapkan.

9.2 Kawalan kos

Memastikan projek yang dibina mengikut kos yang diluluskan.

9.3 Kawalan kualiti

Penarafan **Qlassic** bagi projek yang bernilai RM3,000,000.00 ke atas.

10.0 RUJUKAN

- i. Arahan Perbendaharaan.
- ii. Surat Pekeliling Perbendaharaan.
- iii. Pekeliling Dalaman UiTM/Bendahari/Ketua Setiausaha Negara.
- iv. Manual Kualiti Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur UiTM.
- v. Buku Perancangan dan Perlaksanaan Rancangan Malaysia UiTM.
- vi. Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, EPU JPM, Malaysia.
- vii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Uniform Building by Law).
- viii. Dokumen Kontrak.
- ix. Buku Panduan Pentadbiran Kontrak JKR (Edisi Terkini).

11.0 GLOSARI

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA 1994)

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah satu perundangan di Malaysia yang telah diwartakan pada 25 Februari 1994 oleh Kerajaan Malaysia. Prinsip Akta ini adalah untuk membuat peruntukan selanjutnya untuk mendapatkan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang di tempat kerja, untuk melindungi orang lain daripada risiko keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan kegiatan orang-orang di tempat kerja, untuk menubuhkan Majlis Kebangsaan untuk Pekerjaan Keselamatan dan Kesihatan dan untuk perkara yang berkaitan dengannya.

Qlassic

Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) adalah sistem atau kaedah untuk mengukur dan menilai kualiti hasil kerja pembinaan bangunan berasaskan Standard Industri Pembinaan (CIS 7). Sistem ini dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).